

11/03/2003

Malaysia harap resolusi ditolak

KUALA LUMPUR: Malaysia berharap enam anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) akan menolak resolusi yang dicadangkan Amerika Syarikat (AS), Britain dan Sepanyol yang akan mewujudkan suasana bagi serangan ketenteraan ke atas Iraq.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata enam negara itu - Angola, Cameroon, Chile, Guinea, Pakistan dan Syria - yang juga negara anggota Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) akan menyokong pendirian yang diambil Perancis, Jerman dan Russia yang membantah perang di Iraq.

"Kita berharap anggota NAM yang juga anggota tidak tetap Majlis Keselamatan akan membuat keputusan berdasarkan prinsip dan menurut resolusi NAM (Sidang Kemuncak di Kuala Lumpur) baru-baru ini yang membantah peperangan dan mahukan penyelesaian secara aman," katanya kepada

pemberita di lobi Parlimen selepas perasmian sesi kelima Parlimen Ke-10 oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, semalam.

Syed Hamid berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas

kapasiti beliau sebagai Pengerusi NAM sudah menulis surat kepada semua anggota Majlis Keselamatan menggesa mereka supaya menolak hasrat Presiden

George W Bush untuk melancarkan perang ke atas Iraq.

"Perang tidak patut diletakkan di barisan depan. Ia patut diletakkan di

belakang. Kita patut cuba mencapai penyelesaian secara diplomatik dan politik," kata Syed Hamid.

Beliau berkata, bantahan masyarakat dunia terhadap peperangan dan desakan mereka bagi proses multilateral tidak diendahkan AS dan sekutunya.

Majlis Keselamatan PBB dijangka mengundi pada minggu ini bagi resolusi yang dicadangkan Amerika Syarikat, Britain dan Sepanyol itu yang akan mewujudkan suasana bagi serangan ketenteraan ke atas Iraq dengan mengisytiharkannya sebagai tidak mematuhi tuntutan PBB bagi pelucutan senjata.

Iraq sudah menafikan yang ia memiliki senjata pemusnah larangan.

Untuk mendapat kelulusan, resolusi itu perlu mendapat sembilan undi yang

menyokongnya, dan menghalang veto oleh mana-mana anggota tetap - China, Russia, Perancis, Britain dan Amerika Syarikat.

Washington sudah menyatakan dengan jelas bahawa ia tidak memerlukan restu PBB untuk melancarkan perang ke atas Iraq dan tidak sabar menunggu sehingga 17 Mac untuk mengambil tindakan sekiranya resolusi itu ditolak.

Mengenai Perdana Menteri Britain, Tony Blair yang menghadapi bantahan di

tanah air sendiri dengan ancaman pertama peletakan jawatan menteri-menteri

berhubung sokongan penuh beliau terhadap AS, Syed Hamid berkata ia menunjukkan bahawa rakyatnya sendiri membantah peperangan.

